

08 JUL 1998

Thatcher-Mahathir

THATCHER SOKONG PENDAPAT MAHATHIR MENGENAI IMF

Oleh: Wan A. Hulaimi

LONDON, 8 Julai (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Britain Baroness Thatcher berkata beliau bersetuju dengan pendapat Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) perlu memperbaiki pengawasannya terhadap aliran modal antarabangsa untuk mengelakkan kejadian luar jangkaan daripada berulang.

Berucap pada pelancaran buku Dr Mahathir, "The Way Forward", di Hotel Dorchester di sini pada Selasa, beliau berkata amat mudah untuk memahami kekecewaan Dr Mahathir menyaksikan rekod pertumbuhan luar biasa ekonomi Malaysia tiba-tiba musnah akibat kegawatan ekonomi pada masa ini.

"Saya bersetuju bahawa Malaysia tidak sepatutnya menerima pukulan sehebat ini akibat kegawatan ekonomi yang melanda Asia," kata Thatcher pada majlis jamuan sempena pelancaran buku itu.

Beliau melahirkan keyakinannya bahawa dengan dasar-dasar yang betul, Malaysia dan negara-negara jirannya dapat mengatasi masalah ekonomi yang dihadapi kini dengan lebih pantas.

Katanya: "Di bawah kepimpinan Dr Mahathir dan timbalannya yang juga Menteri Kewangan Anwar Ibrahim, perkara itu boleh dicapai secara menyeluruh dan memuaskan. Kita perlu ingat bahawa tidak seperti kebanyakan negara jirannya di Asia Tenggara, Malaysia tidak perlu mendapatkan bantuan IMF".

Thatcher yang berucap selepas Lord Weidenfled, yang memperkenalkan buku kumpulan hasil penulisan Dr Mahathir itu sebagai "hasil karya seorang pemimpin negara yang unggul, yang tiada tandingannya di rantau itu" Thatcher memukau hadirin dengan ucapan yang menyerlahkan semangat "Wanita Besi"nya yang telah menjadikan kepimpinannya antara yang paling dikagumi di zaman moden ini.

"Penulisan Dr Mahathir yang begitu cemerlang mengandungi banyak jawapan yang tepat, walaupun tidak semuanya. Anda perlu membaca buku saya untuk mendapatkan jawapan sebenarnya," katanya yang disambut tepukan gemuruh dan deraian ketawa hadirin.

Beliau amat mengagumi Dr Mahathir terhadap apa yang dicapainya di Malaysia dan percaya mereka mempunyai banyak persamaan dalam beberapa perkara.

Semasa kepimpinannya, para penulis Britian gemar menyindir mengenai beg tangannya yang dianggap senjata yang menggerunkan dalam gedung politiknya, satu perkara yang Thatcher sendiri jadikan bahan gurauan.

"Kami sama-sama percaya terhadap prinsip berterus-terang. Mujurlah Mahathir seorang lelaki kerana dia juga amat berbahaya menggunakan beg tangan," katanya.

"Kami tidak lari daripada terlibat dalam kontroversi atau gentar menghadapinya. Pemimpin-pemimpin yang suka mengambil hati tidak akan berjaya walaupun mereka boleh membuatkan rakyat berpuashati sekurang-kurangnya untuk sementara."

Mengenai tahun kelahirannya yang sama dengan Dr Mahathir, beliau berkata: "Biar saya berkongsi satu rahsia dengan anda. Tahun 1925 adalah tahun terbaik untuk melahirkan perdana menteri."

Malaysia, katanya, merupakan satu daripada cerita kejayaan bagi tempoh separuh kedua kurun ini, tetapi bukan semata-mata kerana ia kaya dengan sumber alam semula jadi.

"Begitu juga dengan kebanyakan negara lain termasuk, sebagai contoh, Rusia. Ia memerlukan wawasan dan kepimpinan untuk menukar hasil alam semula jadi kepada pertumbuhan pesat perindustrian dan perdagangan serta

perusahaan bebas. Dr Mahathir mempunyai wawasan dan kepimpinan yang melimpah ruah," katanya.

Dasar Ekonomi Barunya yang telah memungkinkan Malaysia mengecapi keharmonian di kalangan semua kaum telah menjadikannya kumpulan penduduk yang begitu berkebolehan, katanya.

Beliau mengingatkan para pengkritik yang kononnya serba tahu mengenai Dr Mahathir dan menegurnya kerana bersikap terlalu bercita-cita besar dalam perancangan dan projek besarnya, bahawa "tanpa cita-cita anda tidak akan mencapai apa-apa dan projek yang hebat boleh membanggakan negara".

Beliau menarik perhatian kepada buku pertama Dr Mahathir "The Malay Dilemma" yang diharamkan. Biasanya ia merupakan isyarat baik atau pemikiran tersendiri dan tidak konvensional.

Mengenai "The Way Forward", beliau berharap bahawa ia akan dibeli oleh setiap orang yang mahu memahami sebab-sebab di sebalik pencapaian Malaysia bagi tempoh 30 tahun lepas.

Terdahulu, ketika berucap Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Britain Datuk J.M. Amir berkata bahawa Dr Mahathir terdorong untuk menulis buku pertamanya "The Malay Dilemma" kerana menyedari betapa seriusnya kesan beberapa kelemahan utama dalam ekonomi Malaysia pada masa depan.

Kelemahan-kelemahan itu merupakan ketidakseimbangan dari segi pemilikan kekayaan dan fungsi ekonomi yang ditentukan mengikut kaum.

Lima daripada esei dalam "The Way Forward" memperkatakan mengenai latar belakang dasar-dasar politik dan ekonomi Malaysia tetapi tidak mengenai masalah ekonomi yang dihadapi kini.

"[Perkara itu] sudah tentu tidak dibincangkan dalam buku ini seperti mana ia tidak diramalkan dalam kajian-kajian lain mengenai perkembangan ekonomi walaupun sehingga seawal 1996," kata Amir.

Pada permulaan upacara pelancaran itu, mesej ringkas ucapan terima kasih Dr Mahathir dibacakan kepada para tetamu, yang termasuk Setiausaha Agung Komanwel Chief Ameka Anyaoku.

-- BERNAMA
WAH RHM RON